

30 JUN 2000

OIC: PERWAKILAN OIC MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT DI MASJID PUTRA

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perwakilan asing yang menghadiri sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam menunaikan solat Jumaat di Masjid Putra di Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan Malaysia.

Para perwakilan menaiki enam buah bas dari Hotel Palace of Golden Horses, venue persidangan itu, ke Putrajaya, yang terletak dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Putrajaya, yang dianggap sebagai Bandaraya Taman Pintar, terletak 25 km dari Kuala Lumpur dan 20 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Para perwakilan asing itu kemudian menyertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang juga pengerusi persidangan itu bersolat di masjid yang indah itu.

Solat Jumaat itu dipimpin oleh Ustaz Idris Haji Ahmad manakala bilalnya ialah Ustaz Abdul Ghani Awang Tanga.

Masjid Putra boleh menampung 15,000 jemaah.

-- BERNAMA

ZAB AZZ AKD